

HIROSHIMA
chedet.co.cc
August 10, 2009
By Dr. Mahathir Mohamad

1. Pada 6hb Ogos saya mengambil bahagian dalam upacara memperingati mangsa bom atom di Hiroshima 64-tahun dahulu.
2. Mungkin tidak ramai tahu yang dua orang penuntut Melayu juga menjadi mangsa bom tersebut. Seorang lagi terselamat.
3. Seramai 60,000 orang di Hiroshima terbunuh dengan serta merta apabila letupan berlaku 600 meter dari paras bumi. Model bandar Hiroshima selepas letupan yang dipamer menunjuk semua bangunan ranap sama sekali pada kawasan tiga kilometer daripada tempat letupan berlaku.
4. Sebuah model bom berkenaan juga dipamer di muzium. Ianya lapan kaki panjang (2.5 meter) dan 1.5 kaki lebar (0.5 meter). Nampak bom ini amat kecil berbanding dengan kekuatannya menghancurkan satu bandar dengan 300,000 penduduk. Saya diberitahu bom Nagasaki lebih kuat lagi.
5. Hingga kini hampir 300,000 orang yang telah meninggal akibat letupan dan penyakit radiasi yang melanda mereka yang terselamat dan anak mereka, serta mereka yang membersihkan kawasan letupan.
6. Acara yang diadakan bukan sahaja untuk mengingati mangsa tetapi juga sebagai satu usaha dalam kempen menentang senjata nuklear.
7. Datuk Bandar Hiroshima, Dr Tadatoshi Akiba menegaskan bahawa sasaran bom nuklear ialah bandar-bandar. Memandangkan kerajaan negara-negara tidak berminat untuk menentang senjata nuklear secara rasmi dan bandar-bandar yang dijadikan tebusan, maka Dr Akiba berpendapat pentadbiran Bandar dan Datuk Bandar harus mengetuai kempen anti-nuklear.
8. Untuk menjayakan kempen ini Datuk Bandar Hiroshima telah berusaha untuk mendapat sokongan Datuk Bandar bandar-bandar lain di dunia. Sehingga kini lebih 3,000 Datuk Bandar seluruh dunia telah mendaftar sebagai penyokong gerakan ini. Mereka dikenali sebagai Datuk Bandar untuk keamanan (*Mayors for Peace*).

9. Di Malaysia kita sudah lancar kempen untuk menjadikan perang sebagai jenayah (*Criminalise War*). Kita menyarankan jika semua masyarakat manusia menganggap pembunuhan sebagai satu jenayah besar yang boleh dihukum dengan hukuman yang amat berat, kenapakah pembunuhan beramai-ramai dalam perang tidak dianggap sebagai jenayah dan mereka yang melancarkan perang tidak dianggap sebagai penjenayah dan dihukum dengan hukuman yang berat.

10. Ramai sudah pejuang-pejuang keamanan di Kanada, Amerika Syarikat, Britain, Eropah, India dan Jepun yang telah menyokong dan menyertai kempen kita.

11. Memandang bahawa kempen anti-nuklear juga bertujuan untuk menghapuskan perang nuklear, kita akan sokong gerakan Datuk Bandar untuk Keamanan.


12. Walaupun kita berasa terselamat tetapi ingatlah bahawa Negara tertentu masih anggap satu cara untuk menyelesaikan pertikaian antara Negara ialah dengan berperang iaitu dengan membunuh orang yang tidak berdosa dan menghancurkan Negara. Rakyat Iraq, Palestin, Afghanistan, Rwanda dan lain-lain sedang dibunuh dengan kejam dalam peperangan sekarang ini. Di Palestin dan Iraq bom dan peluru yang disalut dengan kimia nuclear (*depleted uranium*) telah diguna oleh Israel dan Amerika Syarikat.

13. Janganlah kita berpendirian kerana kita selamat sekarang, maka ada atau tidak ada perang bukan masalah kita. Sebagai manusia yang prihatin kita perlu bersimpati dengan mangsa perang dan kita harus berusaha untuk menghapuskan perang sebagai cara menyelesaikan masalah antara Negara. Kita perlu menjadikan perang sebagai jenayah. Untuk ini kita boleh bermula dengan menyokong kempen mengharamkan senjata nuklear. Sesungguhnya tumpuan sekarang ialah untuk memaksa kuasa-kuasa nuklear mengurangkan senjata nuklear yang ada pada mereka dan akhirnya memusnah semua senjata nuklear.

14. Dan seterusnya kempen untuk menjadikan perang sebagai jenayah perlu dijayakan.

15. Satu forum akan diadakan pada hujung tahun ini untuk mengembang lagi hujah bahawa perang adalah jenayah yang terbesar sekali dan mereka yang mencetuskan peperangan dan menyerang dengan senjata harus dianggap sebagai penjenayah dan dihukum oleh mahkamah dunia.

79 Comments

By newgen  on [August 28, 2009 7:22 PM](#)

TUN

anwar adalah bom neuclear kepada umat melayu.

By azaruddeen  on [August 28, 2009 12:19 PM](#)

salam tun yg disayangi...

Harap saya tak terlewat untuk mencoret bingkisan..pasal hirosshima.. memang tak dinafikan letusan bom itu memberikan impak yang amat besar pada negara matahari tersebut...kekejaman yg berlaku amat tragis sekali...cuma 1 yg saya kagum adalah..selepas itu..mereka bangkit untuk menjadi sebuah negara yg amat maju dari semua aspek.. terutama dlm bidang sains dan teknologi...bagaimana pun saya amat berbangga dengan tanah air saya sendiri..bila 52 thn merdeka banyak kemajuan telah kita kecapai..sepatutnya anak bangsa kita hendaklah bersyukur dengan apa yang ada sekarang.Terima kasih pada pemimpin dan perjuang bangsa dari dulu hingga sekarang menyumbangkan bakti yang terlalu tinggi nilainya..sekian...

By ahmad zawawi bin saharuddin  on [August 21, 2009 10:02 PM](#)

saya baru sempat melawat muzium memorial hirosshima sebentar tadi. memang sedih suasana nya dan kejam menggunakan nuklear utk apa saja alasan sekalipun melihat kepada kesannya. ada juga seorg obasan (nenek tua) yang menangis sebentar tadi. mungkin mengenang kesusahan semasa perang. sempat juga membeli buku nya sebgai cendarahati. melihat catuan makanan dan kesusahan hidup menyebabkan saya berfikir kenapa jepun hendak juga pegi berperang. saya pernah mendengar mereka org jepun yg penah hidup di zaman perang tersebut memberitahu, mereka membuat kesilapan yang paling besar kerana pergi berperang dan tidak akan sesekali mengulangi kesilapan yang sama. harap kita juga belajar daripadanya. akhir kata moga tun sihat sentiasa..

zawawi. Jabatan laut port klang, malaysia.

By empire of mansur syah  on [August 21, 2009 3:07 AM](#)

sejarah bom atom bermula dgn penemuan rumus penukarn jisim ke tenaga ($E = MC^2$) oleh Albert Einstein. Beliau mendapati tindakbalas pembelahan nukleus menghasilkan tenaga yg jauh lebih besar drpd tindakbalas kimia. Apabila pihak Nazi menguasai Jerman, einstein (yg merupakn seorang yahudi) melarikan diri ke AS untuk mengelak drp dibunuh. pihak nazi telah mengarahkan Werner Heisenberg untuk meneruskan kajian yg ditinggalkn oleh einstein.

di AS, einstein dan beberapa org saintis lain telah meyakinkan presiden Roosevelt untuk memulakan pembangunan bom atom mereka sendiri sebagai persediaan kemungkinan pihak nazi akan membina bom atom secara besar- besaran. Robert Oppenheimer telah dilantik mengetuai projek ini yg dikenali sbg "projek manhattan".

sementara itu, Joseph Stalin yg dilantik sbg pemimpin baru Soviet Union juga menunjukkan minat terhadap senjata nuklear. projek bom atom soviet telah dimulakan di bawah pimpinan ahli fizik Igor Kurchatov.

pihak jepun juga telah menjalankan pembangunan bom atom mereka sendiri di awal perang dunia kedua. pada tahun 1936 mereka telah membeli cyclotron iaitu alat untuk memperkayakan uranium drp University of California. ahli fizik Yoshio Nishina telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai projek ini.


perang dunia kedua meletus pd tahun 1939 apabila Jerman menyerang Poland. senjata nuklear walaubagaimanapun tidak digunakn sehingga 1945. kajian bom atom jerman tidak dpt disempurnakan ekoran kejatuhan berlin pd bulan mei 1945. sementara itu pengeboman yg berterusan ke atas tokyo oleh AS telah memaksa pihak jepun memindahkan projek pembinaan bom atom mereka ke Hungnam, Korea Utara (fasiliti tersebut kemudiannya jatuh ke tangan Soviet Union).

kekalahan jerman & itali telah meninggalkan jepun bersendirian menentang kuasa2 berikat. pd bulan julai 1945 AS & China telah memberi amaran kepada jepun agar menyerah kalah atau berhadapan dgn "kemusnahan yg teruk". jepun walaubagaimanapun enggan mengalah & masih terus menaruh harapan utk memenangi peperangan.

ujian bom atom yg pertama telah dijalankan di padang pasir New Mexico pd pertengahan 1945. prototaip bom yg diuji menghasilkan kuasa letupan empat kali ganda lebih kuat berbanding anggaran para saintis. melihat keadaan itu, Oppenheimer berkata kepada mereka, "kini kita (AS) lebih berkuasa drp Tuhan".

cadangan untuk menggunakan bom atom yg pertama ke atas jepun walaubagaimanapun ditentang oleh Einstein. beliau menyedari bahawa senjata tersebut akan memberi kesan buruk terhadap orang awam & alam sekitar. beliau mencadangkan agar bom atom tersebut digunakan sebagai bhn ujian shj memandangkan ancaman nazi telah pun berakhir. namun begitu Oppenheimer yg terlalu taksud dgn keupayaan senjata tersebut menegaskan penggunaanya adalah perlu utk menamatkan peperangan. pd bulan julai 1945 presiden AS, Harry Truman meluluskan operasi ke atas Hiroshima & Nagasaki.

operasi pengeboman ke atas Hiroshima telah dijalankan oleh 2 buah pesawat pengebom B-29 pd pagi 6 ogos 1945. kira2 300 ribu orang terkorban dlm serangan tersebut. kesan drpd insiden tersebut telah memulakn gerakan menentang penggunaan senjata nuklear di seluruh dunia. namun begitu dlm masa yg sama, peristiwa ini juga telah memulakn perlumbaan utk menghasilkan senjata nuklear di antara 2 kuasa besar pd ketika itu - AS dan Soviet Union, & kemudiannya disertai oleh negara2 lain spt Britain, Perancis, Israel, India, Pakistan & China. Korea Utara yg mewarisi kemudahan senjata nuklear drp Jepun kini dilihat merupakan negara yg berpotensi mencetuskan peperangan nuklear lantaran ketaksuban mereka terhadap senjata ini.

By op_afif  on August 18, 2009 2:31 AM

Salam Tun dan juga kepada semua pembaca,

Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu pembaca mengenai pergerakan ini:

"PEACE ONE DAY"

Silalah melawat halaman web mereka, dan mengambil bahagian dalam acara ini, di:
<http://www.peaceoneday.org/>

Terima kasih.

By karim selamat  on August 15, 2009 12:11 PM

ADAKAH BOM NUKLEAR ANCAMAN TERBESAR DALAM HIDUP KITA?

Bom nuklear adalah ancaman lahiriah sahaja. Kita tidak perasan dimana ada lagi ancaman yang lebih besar daripada bom nuklear yang sedang melumpuhkan orang Islam sejak dari dahulu lagi. Kita lihat hari ini, kehidupan kita telah jauh dari Islam yang sebenar. Hidup penuh dengan hiburan, sosial yang keterlaluan, percampuran halal dan haram dan semua ini tidak diambil kira utk dibincang dan diatasi.

Kita lebih kepada menfokuskan mengejar kejayaan dunia semata-mata tanpa memikirkan akhlak yang kita semai kepada anak-anak bangsa kita. Apakah gunanya golongan cerdik pandai, tetapi hanya mementingkan kehidupan sendiri dan menjadi perosak kepada kehidupan orang lain?

Apakah tindakan kita dalam usaha untuk menyelamatkan anak bangsa kita dari kerosakan? Adakan forum, motivasi, dan pendidikan yang baik? tanpa menghiraukan akhlak mereka? Kita selalu mendengar usaha-usaha mengurangkan gejala sosial, tapi sejauh mana keberkesanannya? Dalam usaha mengurangkan masalah tersebut, kita buka punca-punca gejala sosial dengan hiburan yang berlebihan, pesta-pesta, sukan yang tidak mengikut Islam dan lain-lain lagi. Jadi, adakah langkah untuk mengurangkan masalah ini akan berjaya? sama sekali tidak. Ibarat bomba yang ingin memadamkan api, tapi pada masa yang sama kita curahkan petrol, adakah api akan terpadam?

Moga kita sama-sama kembali ke jalanNya dan mencari hakikat hidup kita yang sebenar-benarnya. Wassalam.

By fikrimythfreak  on August 13, 2009 5:45 PM

Good day, Tun.

An amazing article, about the horros of the nuclear bomb, and how we are still under its threat, after 64 years of its first use, which devastated Hiroshima and Nagasaki.

Here iwould like to invite anyone who believes in this issue to attend this event:

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Warga Universiti Malaya.

PAMERAN MALAPETAKA BOM ATOM: TRAGEDI HIROSHIMA & NAGASAKI 1945

Dengan segala hormatnya, Muzium Seni Asia dan Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, menjemput semua warga kampus Universiti Malaya ke pameran yang julung kali di adakan di Asia; Pameran Malapetaka Bom Atom: Tragedi Hiroshima & Nagasaki 1945. Maklumat pameran adalah seperti berikut:

Tarikh Perasmian: 20 Ogos 2009 (Khamis)

Waktu perasmian: 9.30 pagi

Perasmi: Menteri, Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim

Tarikh pameran: 20 Ogos – 31 Oktober 2009

Tempat: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

Untuk maklumat lanjut sila hubungi: 03-7957 1061/ 03-7967 3936/3805/5631

Masuk adalah percuma

Semua dijemput hadir.

EXHIBITION ON ATOMIC BOMBING DEVASTATION: HIROSHIMA & NAGASAKI TRAGEDIES IN 1945.

Museum of Asian Art and Department of East Asian Studies, Faculty of Arts and Social Sciences cordially invite all to the first ever Atomic Bombing Devastation: Hiroshima and Nagasaki Tragedies in 1945 exhibition organized in Asia. Details of the exhibition are as below:-

Launch: 20th August 2009 (Thursday)

Time: 9.30 am

Launched by: Minister of Information Communication and Culture, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim

Exhibition date: 20 August – 31 October 2009

Venue: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya

Any enquiries, kindly contact: 03-7957 1061/ 03-7967 3936/3805/5631

Free entrance

ALL ARE WELCOME

By afag  on August 13, 2009 3:11 PM

Selamat petang semua...

PERKARA : Ustaz Asri Rabbani telah kembali kerahmatullah

Marilah sama-sama kita sedekahkan al-fatihah untuk allahyarham dan salam takziah kepada seluruh ahli keluarga beliau.

Khamis, Ogos 13, 2009. 22 Syaaban 1430H.

PETALING JAYA: Vokalis kumpulan nasyid Rabbani, Ustaz Mohd Asri Ibrahim, 42, telah disahkan meninggal dunia kurang sejam yang lalu akibat serangan jantung di Hospital Pantai, Bangsar.

Menurut rakannya, Azadan, jenazah arwah Asri akan dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) selepas ini.

Dimaklumkan, arwah meninggal dunia selepas jatuh pengsan semasa memberikan ucapan dalam sidang media program 'Syahadah' di Angkasapuri, Radio Televisyen Malaysia (RTM)Kuala Lumpur kira-kira pukul 10.30 pagi tadi.

Bait-bait lagu ciptaan beliau akan terus menjadi kenangan dan peringatan kepada kita semua Umat Islam agar sentiasa bersatu padu, sentiasa mengingati pada Yang Maha Esa, sentiasa melakukan dan melaksanakan perintah dan suruhanNya dan sentiasa mengingatkan kita pada kematian dan alam akhirat.

By Anak_Malaysia  on [August 13, 2009 1:03 PM](#)

Semoga Allah merahmati hamba yang bernama Tun Dr Mahathir Mohamad,

Dengan Izin Tun,

Kita pernah dijajah oleh pemerintah dari asia dan barat pada masa dahulu tetapi kini kita telah merdeka kerana usaha anak bangsa kita sendiri. Perdana Menteri Tun Abdul Rahman bersusah payah memohon jasa baik rakyat untuk turut menyuarakan kemerdekaan untuk tanah air kita. Pada masa itu semua bangsa dan setiap agama ditanah melayu bersatu untuk merealisasikan impian MERDEKA!!

Kini, Negara telah mencapai keamanan tanpa adanya perang seperti yang berlaku kepada Palestin, Iraq, Afganistan dan sebagainya. Negara mereka hancur dan banyak yang terkorban. Kanak-kanak kehilangan ibu dan bapa. Suami kehilangan isteri tercinta dan begitulah sebaliknya. Setiap butir peluru dilepaskan tanpa bermata dan tanpa mengenal erti bernilainya kehidupan seseorang. Itulah yang terjadi kepada negara tanpa "perlindungan" pihak-pihak yang hanya tahu bercakap namun tidak bertindak untuk membantu. Namun syukur, Malaysia tidak hanya berpeluk memandang bahkan kita turut menyumbang bantuan yang diperlukan.

Bandar Hiroshima sejarah ngeri kepada yang pernah merasai sendiri tetapi untuk yang tidak memahami dan cuba merasai ianya hanyalah pelajaran AM didalam buku sekolah dan majalah biasa. Sepatutnya kita mengambil iktibar untuk sentiasa bersatu padu tanpa bersikap perkauman untuk menjaga keamanan negara. Usaha Tun untuk menyedarkan banyak pihak tentang keamanan negara tidak akan terjamin sampai bila-bila terutama untuk bangsa kita sendiri amatlah diperlukan. Saya berharap Tun juga dapat mengetuai forum berkenaan peperangan itu nanti dan meluahkan bahawa rakyat Malaysia hanya inginkan keamanan dan Tun..sedarkan lah pihak-pihak seperti Amerika Syarikat dan Israel agar tidak mamandang mudah tentang jenayah perang. Katakan jangan samapi negara Islam bersatu untuk 'ajar' mereka tentang keamanan sebenar. Sekian Tun. Terakhir saya ingin meluahkan ucapan terima kasih yang terhingga kepada Tun kerana Malaysia "wujud" dimata dunia kerana kehebatan Tun yang memimpin...

By warisan melayu  on [August 12, 2009 6:13 PM](#)

Salam Tun,

Bagaimana utk menyertai dan menghadiri forum tersebut??

By wajaperak  on [August 12, 2009 3:22 PM](#)

Dengan Izin Tun..Terima kasih..

HBT


Many thanks for defending Tun times and again. Many thanks too, for your precious time writing in Tun blog. You are the only few who can comprehend the Chinese saying and the Malay saying to be lump together and makes senses..

This is one famous Chinese saying many Malays don't get it..

TIADA ORANG YANG DI LAHIRKAN PANGLIMA!!

Go easy on your chocolate boxes..It is not that hygiene...:)

Terima kasih Tun..

By HBT  on August 12, 2009 8:12 AM

Good morning Ayahanda,

This is a Good Movie about the true meaning of "LOVE" 4 US, MALAYsia to understand the naked power of Adam & Eve..... as per Bible and Quran.

"DUPLICITY"

OUTwit, OUTspy, OUTsmart, OUTplay,
THEN GET US OUT

CIA officer (Agent code: A) and MI6 agent (Agent code: N) have left the world of government intelligence to CASH IN on highly profitable cold war raging between to rival 2 multcorporations, Company M and Company S. Their mission? Secure a formula (N.E.) that will bring fortune to the company that patents it first.

For their employers, industry titan Howard M. and the buccaneer CEO Dick L. - nothing is out of bounds (Ai..yo..yo.., not that that zzzzz Dick Lah, Sir Ravi, don't misunderstand my comment as LIFE is like A "CLOSED" BOX OF CHOCOLATE 4 U). But as the stakes rise (contohnya, get Kuasa Ajaib to "take over" the companies of Howard M.), the mystery deepens and the tactics get DIRTIER (semakin kotor Lah), the trickiest secret for CIA & MI6 is their growing Hatred and jealousy. And as they each try one double-cross a head, two loners find their schemes endangered by the only thing that they can't cheat their way out of: God's Will.

The ending of this movie is really unexpected, Howard M. won in a 5 Nice ways which Gentleman M should have.....

By the way, we should say HAPPY SINGAPORE DAY from MALAYsia to weesg & studentsg. I am a B, B- minus gal who believes LIFE is LIKE A BOX of Chocolate to keep myself healthy from "toksin", that is Liberty to Rule # 2, 5!!!!

Hello there, how are U 2day, abg samuraimelayu, kamal ahmad, owlz, ezani, wajarperak, hanan(Jewish), JJJ, YSlim, S..Tan, the malayanpress, and of course Mr Chua and Mr Chua and Welcome to PK Free Trade Zone!!!!

Good day Ayahanda, U are the Guru for US to open our eyes and heart!!!!

By S..Tan  on August 12, 2009 12:13 AM

Dear Tun, salam mesra harap sihat sejahtera. Kiriman saya untuk tajuk murni ini....

.....HUKUM PENGANJUR PERANG!

Topik ini padan sikit dgn blog negarawan, bawa usaha murni (bukan bincang hal perkauman). Setuju, sesiapa anjur, galak, lakukan keganasan perang ialah penjenayah dan mesti dihukum. Termasuk penganjur perang kaum, perang agama.

Di M'sia puak ini tak jauh, dibawah hidung! Lihat pada akhbar Utusan dan se kelompok penulis diblog ini.

Tiada alasan guna keganasan krn selisih fahaman dan pandangan. Hanya haiwan tak boleh kawal sifat diri.

.....CHARITY BEGINS AT HOME

Siapa desak peperangan mesti dihukum tak kira mangsanya sebuah Negara, satu bangsa atau seorang insan.

Meragut nyawa krn merebut harta dan selisih pandangan, bersifat haiwan dan dilarang semua agama. Beza manusia dgn haiwan krn mrk mampu mengelak membunuh sesama sendiri.

Semua jenis perang, baik Negara, bangsa, pegangan politik, pegangan agama (jihad krn lindung diri lain) adalah jenayah terkutuk.

Suara Tun, menjenayahkan perang suara ditunggu tunggu! Suara Ku Li, menghapuskan ketuanan bangsa, menjunjung kemanusiaan, menghargai insan, suara dirindu rindu!

.....BILA ANAK BUAH BUDAK HITAM

Tujuan keluarkan topik ini mengingatkan penganjur keganasan, pendesak dan pelampau? Tak kurang tulisan kelompok ini di biar berkeliaran dlm blog seorang tokoh! Harap ikhlas menjenayahkan perang tak kira dimana!

Jgn pula kata M'sia ini lain. Mrk diusik, terdesak, lain pandang. Black is black, dont call it dark!

.....UPHILL BATTLE

Susah sikit nak suruh gergasi menari dgn lembut. Dah biasa tepuk nyamuk, sukar didik mrk jentik nyamuk.

Selain dari US, kuasa besar barat, Umno antara contoh kuasa ini yg sukar di pulih. Kalau dapat kawal Umno menghormati yg kecil, ada harapan kawal kuasa besar dunia hormati negara kerdil.

By [Sekularist](#) on August 11, 2009 10:31 PM

Tun..

Bagaimana nak sertai forum tersebut?

By [pppz](#) on August 11, 2009 6:15 PM

Salam YAB Tun,

Siapakah mereka yang telah terkorban seramai hampir 300,000 orang kesemuanya akibat letupan dan penyakit radiasi di bandar Hiroshima dan Nagasaki 64 tahun dahulu?

Apakah kematian dan kesengsaraan mereka semua benar-benar meninggalkan kesan kepada kita semua sehingga kita masih dapat mengingat serta menyebut sekurang-kurangnya 300 atau 30 ataupun 3 nama daripada jumlah tersebut?

Mereka cuma tercatat didalam lipatan sejarah sebagai mangsa korban peperangan sesama manusia serta satu ujian nuclear keatas sebuah negara oleh negara lain yang lebih hebat dan berkuasa pada zaman tersebut.

Walaupun mereka yang telah terkorban itu semua bukan rakyat negara kita, tidak sebangsa dan seagama, malah bukan saudara atau kenalan kita, tetapi pada hakikatnya mereka semua tetap manusia biasa yang berhak untuk hidup juga.

Alangkah baiknya jika bom atom atau mana-mana WMD ciptaan manusia akan datang diwajibkan ada jaminan halal lagi baik seperti 'bijak memilih' dan dapat menghapuskan hanya mereka yang suka berperang dan membunuh sesama manusia sahaja dan tidak akan mencederakan mana-mana kehidupan lain termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan serta mesra alam.

Wassalam.

By [samuraimelayu](#) on August 11, 2009 5:42 PM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

KAMI SANGAT SETUJU DENGAN PANDANGAN SAUDARA KAMI KAMAL AHMAD
YANG ANTARANYA...

7)GUNA SMART BOMB YANG MAMPU MENGHASILKAN KEPUTUSAN YANG LEBIH
BAIK TANPA KEMUSNAHAN MAHAL DAN IMEJ POLITIK TERCELA: GUNA SISTEM
DEMOKRASI DUNIA MELALUI SENJATA GLOBALISASI. GUNA ANWAR IBRAHIM &
PKR UNTUK “NUKLEARKAN” MALAYSIA PADA PRU13. MINYAK DAN DAGANGAN
ANTARABANGSA PETRONAS, ITU PENTING UNTUK MEREKA. MENGEMBANGKAN
PENGARUH YAHUDI DI MALAYSIA PULA SELEPAS SINGAPURA DAN INDONESIA...

....

DAN KAMI YANG SUKA 'CELAH' INI INGIN MENAMBAH BAHAWA NIAT ABI/PR
INGIN MELEDAKKAN MALAYSIA MUNGKIN TERJADI JIKA NAJIB RAZAK(NR)
GAGAL MENGAWAL 'NR' (NUKE-ROS) NYA SENDIRI YANG SEJAK AKHIR INI

NAMPAK JELAS MENCARI PUBLISITI MENGATASI PM...TENGAH MENGIDAMKAN 'LIMAU-NIPIS'(LIMELIGHT) SANGAT KOT?

BELIAU TIDAK SEPATUTNYA 'MENCELAH' DIKAIN RENTANG(BACKDROP) UNTUK MERAIKAN ACARA RASMI PRESIDEN/PM DAN DIBERI 'AIRTIME' BERLEBIHAN SEMASA BERITA2 PERDANA DIKACA TV KERANA DIA KELIHATAN BERLAGAK SEBAGAI 'THE MAN INSTEAD THE WOMAN BEHIND THE MAN'.

HER 'EXCESSIVE' PUBLIC 'EXPOSURES' ARE NOT GOOD PULICITY FOR BOTH UMNO AND BN AND ALREADY WE HEARD OF 'GHOST WHISPERERS' AMONGST THE RAKYAT ESPECIALLY 'IBU2 YANG SUDAH LAMA KENAL AKAN 'BAKTI' IBU MANSUR INI'.

CAN SOME 'BOMB' EXPERTS OUT THERE DIFUSE THIS 'NUKE-ROS' BEFORE A CRAZY 'ABI' DROPS THIS 'BOMBSHELL' ON UMNO AND BN COMES PRU 13?

NAJIB AND UMNO HAVE ENOUGH 'LINGAMPOOP' IMAGES TO DEAL WITH... THE IMAGES OF A 'AHLI RASUAH'(AR) CHIEF MINISTER, A 'KORAP JANTAN' (KJ) YOUTH LEADER, AND A 'KUNTA TEMPE' (KT) MILLION-DOLLAR BANGALOW MAN AND THE LIKES IN ITS RANKS

AND NOW THIS...A 'RHYME MEASTRO'(RM) INSISTING TO SIT ON TOP THE BILLBOARD!

AYOYO KADAWALEK (OH GOD)...IF CARRY ON LIKE THIS, SURE UMNO/BN FINISH LAH... VOUCHED OUR GOOD MACHA, MR. DORAI AND SECONDED BY OUR NOT SO GOOD MACHA, MR. RAVI..NALLE IREKE, MACHA (FEEL GOOD, MACHA)

WANAKAM (GREETINGS)
POITU WARREN (GO AND COME BACK)

By [Rimba Emas](#) on [August 11, 2009 5:08 PM](#)

Salam buat Tun berdua moga dirahmati oleh allah s.w.t.

- 1) Satu peluru pistol satu sasaran...,seinggalah terciptanya bom terkuat kuasanya sehingga boleh membunuh beribu-ribu manusia.Satu peluru pun boleh tersilap sasar terkena yang tak bersalah.
- 2) Negara Jepun sudah tentu akan mengambil iktibar atas ego untuk berperang..walaupun masih ramai menyalahkan negara Amerika kerana ramai rakyat yang bukan tentera terkorban.
- 3) Walau bagaimana pun kita perlu melihat kepada kesatuan Jepun yang rakyatnya terlampau berkiblatkan Rajanya.Kalau tersilat oleh Maharaja yang menginkari amaran keras tentera berikat yang menentangny...mungkin perkara ini boleh dielakkan.
- 4) Akibatnya sudah tentu pemerintahnya akan menanggung ke atas dosa-dosa kepada kanak-kanak kecil dan golongan dewasa berbilang bangsa,agama bukan rakyat Jepun...yang mungkin tidak mahu PEPERANGAN..

5) Dalam Agama Islam membunuh atas sebab melakukan perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t hukumnya haram dan pelibatnya wajib dihukum bunuh.

6) Masa kini perlu dijelaskan maksud jihat dalam peperangan dengan se jelas-jelasnya. Jihat hanyalah semena-mena untuk agama Allah s.w.t. sahaja.

7) Jihat membunuh hanyalah atas PERLAKU YANG MELAKUKAN PEMBUNUHAN DAN YANG MENGARAHKANNYA.... contoh jika A mengarahkan B untuk membunuh, maka A dan B ialah orang yang patut dibunuh.

8) Orang yang melanggar perintah Allah s.w.t dia akan dihisab di alam akhirat nanti, jadi sesiapa yang membunuh orang ini bukan satu jihat sebaliknya berdosa besar.... jihatnya hanyalah tarbiah menunjukkan jalan yang benar.

9) Kalau membunuh satu makhluk ciptaan Allah s.w.t yang tak mengancam kita pun satu dosa besar... inikan pula Bom Nuklear yang ledakannya amat besar pasti mengena orang yang tak bersalah, maka hukumnya haram dan tidak boleh tinggal didunia ini bagi pencinta akan bahan ini.. nuzubillah...

10) Hindarilah SYAITAN PEMBUSNAH INI !!!!

WALLAHUA'LAM

By chanel  on [August 11, 2009 3:47 PM](#)

Salam tun, memang bom nuklear sangat merbahaya di dunia !saya sangat sokong cadangan tun untuk menghapuskan peperangan. Peperangan sangat kejam, ini semua mungkin untuk merebut kuasa dan nak tunjuk siapa paling "KUAT" di dunia ini.

Di Malaysia sudah ada bau "perang nuklear" juga, tun... (perang mulut) untuk.. merebut kuasa.... agama.... racist... rasuah... Saya berharap tun selamatkan Malaysia dulu. Kalau boleh jadilah Perdana Menteri kita semula. Harap semoga tuhan panjang... panjangkan.. umur tun. Kerana kalau tun masih ada, tun dapat "control" dan mengajar "BUDAK-BUDAK" politik kita ini supaya menjadi orang "DEWASA" yang matang sebelum menjadi orang yang "KEJAM".

By FAUDZI  on [August 11, 2009 1:09 PM](#)

Salam TUN dan semua

setuju 100%, nuklear wajib diharamkan kerana ianya membuat dunia porak poranda dan pemimpin yang melancarkan perang keatas negara lain harus dihukum se adil adilnya. Ini hanya akan berjaya jika PBB berfungsi without fear and favor.

Saya juga pernah melawat tempat yg dinyatakan TUN di Nagasaki dan Hiroshima dan memang mengerikan.


wassalam

By tuck  on [August 11, 2009 11:53 AM](#)

It's one of the mistakes you did not commit: Create a war to unite every Malaysian as ONE RACE.

One common trait I observed after being in multiple countries: Patriotism is exceptionally stronger in countries that been through a war. Locals will naturally promote their respective national heroes without you asking them, that's the clear difference we have in Malaysia, esp the taxi drivers.

Simply said, Malaysians are not aggressive and radical. We are too well fed and will only prey on fellow Malaysians in dire modes. Hardtimes at war could have changed us.

By n.ajis  on August 11, 2009 11:35 AM

Hati.Malaysia wrote:-

"It's only when people like your self start think in 1-Malaysia concept we will be truly 1-Malaysia. "

Tun Dr M already did. He proposed Sekolah Wawasan, remember? But who rejected it? As long as we have the ultrakiasu-minded-thought believer in our society, 1 Malaysia will never become reality. Get that ya?

By iDAN  on August 11, 2009 11:09 AM

Ayahanda Tun;

Salam

Perang itu amat kejam, warga kita mungkin tinggal saki baki sahaja yang mengalami bagaimana takut & cemasnya ketika perang. Saya sendiri hanya sempat mendengar dari mulut arwah emak bagaimana zaman Jepun dulu kita orang Melayu lari ke hutan takut amat dengan kekejaman Jepun. Serba serbi dicatu & terpaksa makan ubi kayu ketika darurat.

Semasa musibah 13 Mei pun saya masih kecil, bahangnya tak sampai ke kampung. Di Kuala Lumpur telah dikenakan perintah berkurung, saya di kampung masih melastik burung merbah lagi.

Tetapi Ayahanda Tun,

Bila sesekali kita bermimpi bumi ini dilanda perang, terasa amat cemas; impaknya sampai berpeluh-peluh kita bila terjaga. Itu baru mimpi.

Maka itu seharusnya rakyat marhaen perlu faham akan teguran kerajaan agar jangan main isu sensitif di negara kita yang perbagai kaum ini. Natijah keegoan mana-mana bangsa pasti akan memarakkan api dendam yang telah pun terpateri di nadi sejarah kita.

Begitu juga hubungan kita dengan negara luar, negara jiran terutamanya. Perlulah amat baik & harmoni. Jangan ada di kalangan kita terlalu ego mencerca negara luar dengan isu yang boleh diselesaikan dengan rundingan & tolak ansur. Seperti isu terkini Manohara yang sekadar masalah keluarga kenapa perlu dipolitikkan. Jika kita terpengaruh dengan You-Tube memang ianya amat menggusarkan hubungan dua negara. Saya amat bersyukur negara kita pandai menangani isu remeh begini.

(Mungkin tidak ramai tahu yang dua orang penuntut Melayu juga menjadi mangsa bom tersebut. Seorang lagi terselamat.)

Jika tak silap saya ialah Cikgu Haji Abdul Razak Hamid yang telah mengajar saya Bahasa Jepun semasa di UiTM. Saya pernah mendengar temubualnya di TV. Memang satu yang misteri beliau boleh selamat dari ancaman maut bom atom ini.

Jika kita dapat menyedarkan dunia yang perang itu adalah satu jenayah sesungguhnya memang kita dapat tidur aman & taklah sampai saban hari kita melihat kekejaman & keganasan berlaku di muka bumi kita ini.

Tentunya Ayahanda sendiri percaya Pengganas dalam masyarakat Islam ujud pun natijah dari peperangan di mana mereka yang hilang moral, martabat & kefahaman diri sangguh melakukan kekejaman dengan menjadikan diri sebagai pejuang berani mati yang terkadang salah sasaran mengakibatkan orang tidak berdosa menjadi mangsa.

Hentikanlah peperangan & kegagasan ini.

By mytwoents  on August 11, 2009 11:03 AM

Hi Tun,

All have fall short of the glory of God. We are all guilty of perpetuating 'wars'. God has said, "Thou Shalt not kill...". I hope Tun sees beyond your vision of criminalizing wars but join many Godly people who follow God's command. Failing to follow His word exactly is a grand project that is built on shifting sand and unholy ground.

Tun, i pray God will expand your capacity to influence others to God's way.

Thou shalt not kill... no more no less.

Cheers.

mytwoents

By www.infomajlisilmu.blogspot.com  on August 11, 2009 11:02 AM

Salam wbt/Peace to those who follow the guidance

Manusia berbicara tentang keamanan kerana wujudnya peperangan dan ketidakamanan dalam kehidupan di atas muka bumi ini.

Maka, bagaimana mewujudkan keamanan? Jutaan kertas kerja dan seminar termasuk diskusi diadakan bagi membincangkan isu ini tetapi natijahnya, bilangan atau jumlah kematian akibat peperangan makin bertambah.

Apa puncanya?

Menyedari hakikat tersebut, maka Seminar dan Diskusi Terbuka: Iman Orang Asing telah diadakan di Universiti Malaya baru-baru ini.

Alhamdulillah, saya yg dhaif ini, memperoleh banyak input berguna untuk terus memacu kehidupan di muka bumi untuk terus mencari keamanan dan kedamaian di tengah-tengah hiruk pikuk dunia ini.

Maka, izinkan saya berkongsi maklumat berikut untuk tatapan dan manfaat pembaca semua, insya-allah.

Recording: UM Seminar dan Diskusi Terbuka: Iman Orang Asing

Details information available at www.infomajlisilmu.blogspot.com

We appreciated your kind and proactive effort to spread the words and share with those whom you love especially members of your family, friends and community.

Jazakallahu Khair.

By Abadi  on August 11, 2009 10:48 AM

Yang Terhormat Ayahanda Tun Mahathir yang di kasihi,

Salam WBT,

1. Terima kasih di atas rencana yang memperingatkan saya atas kesengsaraan perang. Mudah-mudahan ianya menjadi keinsafan.
2. Sempena di bulan kemerdekaan, biarlah lagu "KERANA MU MALAYSIA" berkemundang di radio dan TV di setiap masa. Tanamkan semangat patriotik. Mohon Jabatan Penyiaran, (Kem Penerangan) pertimbangkan.
3. Nyayian lagu "Negaraku" dan "Kerana Mu Malaysia" di sekolah-sekolah disetiap kali perhimpunan, sedikit sebanyak boleh menanamkan semangat 1 Malaysia. Percayalah...
4. Kibarkan Jalur Gemilang di kediaman dan bangunan, semarakan Hari Kebangsaan.
5. Jika tidak salah orangnya, Ybng Datok Abdul Razak ialah salah seorang Melayu yang YTH Ayahanda Tun M maksudkan. Datok Abdul Razak pada satu ketika dahulu, pernah memimpin siri khas Bahasa Jepun setiap minggu di surat akhbar utama Malaysia. Baru-baru ini wajah ceria beliau terpapar di akhbar mengenai Hiroshima. Betul ke..

Semoga keamanan di bumi Malaysia Negara Tercinta dan bertuah terus berkekalan.

By ezani  on August 11, 2009 10:31 AM

Salam Tun

I think paragraph no 13 of your block is one of the most beautiful sentence I have ever read. I reproduce it here :

"13. Janganlah kita berpendirian kerana kita selamat sekarang, maka ada atau tidak ada perang bukan masalah kita. Sebagai manusia yang prihatin kita perlu bersimpati dengan mangsa perang dan kita harus berusaha untuk menghapuskan perang sebagai cara menyelesaikan masalah antara Negara"

Furthermore, I would like to say I support your causes to Criminalise War and to help the Palestinian people and I note that you have created 2 organisations to achieve your objectives of which you are President. I will try to support it where possible. Well done!

As for nuclear power, unfortunately, it seems the trend of our present Govt is to always go against the rakyat's wishes. First they insist on teaching Maths and Science in BM causing our young kids to rugi despite almost 90% majority saying No! and now it seems the present Govt is actively pursuing nuclear power, putting their greedy interests first -- macam main-main dgn api. Nuclear power IS VERY DANGEROUS INDEED. I also note your statement today (11 Aug) that you said the Education Minister refused to follow your advise about teaching Maths and Science in English. I am sure Muhyiddin has also been given the results of chedet's poll and yes you are right, it seems he is blind to the fact that BN will almost surely lose heavily in the coming GE if this Muhyiddin insist on defying what the people want.

Anyway, I'm done worrying for BN and UMNO politicians. For once I can see that Najib has improved considerably despite taking way our 30% Bumi stake, his visit to China and his stupid idea of getting foreigners (especially the dangerous Singaporeans) to get involved in developing southern Johor. Luckily we have a wiser Sultan of Johor! I also note that Khalid Ibrahim continues to do a good job in Selangor but the political situation in Kedah is rather quiet. Perak also tends to be quieter now. Dulu huru hara! It is not that I hate UMNO or BA but I think this more equal balance of power between BN and BA seems to be better for the country than when UMNO was dominant back then. When UMNO monopolized politics, UMNO politicians could not resist the temptations of money, power and corruption and it is still in the midst of cleaning itself up even now with many high profile federal ministers removed ungracefully.

I still cannot forget your exposure of the Petronas revenue scam (many hundreds of billions going into the politician's pockets instead of giving RM2.5 million to each rakyat Malaysia) and your disclosure of documents on the cost of Johor Causeway.

It seems that under BN we are never alone from multibillion ringgit scandals from the Carrian Affair to Bakun Dam to Perwaja to Petronas to the Port Klang Free Zone project. Politicians cannot be trusted (except for the Prime Minister and his Deputy) so the Prime Minister should put stringent internal controls to monitor corruption such as recording all the MP's claims and expenses and requiring regular declaration of assets.

Keep up the good work and the good writing!

By hisham1  on [August 11, 2009 9:44 AM](#)

yg perlu diharamkan ialah perang yg tak ada sebab munasabah i.e. perang utk menzalimi pihak yg lemah. mcm perang US-Iraq, US menzalimi negara lemah Iraq. Israel-Palestin, patut diharamkan sebab Israel menzalimi negara lemah Palestin..

perang mempertahankan hak negara daripada dijajah patutnya HALAL, contoh Iran, jika dia berperang kerana mempertahankan hak kedaulatan negaranya pastilah perang HALAL bagi Iran..

By benzeneacid  on [August 11, 2009 9:19 AM](#)

There are many people who are abuzz , and not least, appalled and outraged by the issue of gender discrimination in Malaysia . Countless rapes, murders, sexual harassment, and brutish perpetrations towards women have been reported in newspapers, television and other media. Not surprisingly, many NGOs and women associations, down to the people themselves, have aired their grouses and anger over this issue. They alleged gender discrimination is the main culprit behind these incidences. Accordingly, women in the country demands the government to do

more for women in terms of their socio-economic stature, safety, accessibility to education and work opportunities and their importance in the country's development. All of these issues culminate into what we call 'gender equality' as normally perceived by many of us. But sadly, many failed to see the need of gender equality for men. The welfare of men has been overlooked while the welfare of women is gradually improving in many aspects. They often perceived that only women who needs protection in terms of their right. There are men who also need aid from the government and society in many aspects.

I am not saying that it is wrong for women to fight for their right, but do bear in mind that men are also human beings who need to be treated fairly not only by the government but also in the eye of society. The stereotyping towards men need to be changed with an open mind. As I have mentioned earlier, the media often portrays women as the victim of rapes, sexual harassments, job opportunities and other social problems like divorce and depression. But for men there are many issues close to their hearts but due to social stigma of labeling men as 'strong, independent and in-control). Men are not expected to display their weaknesses, affection and to be independent. In these modern days, even though both men and women work but many still demand men to bear almost all of the family expenses. I know many would say that men should do so because women give birth to the child. But then again, it is only fair if both contribute to the family and not putting the burden wholly on the man. Gender roles like women stays at home while man brings home the bacon should be removed from our mentality. In dates, men are supposed to pay for everything even though both men and women should equally contribute to a relationship. The mentality that men are not required to take care of the children and is solely a women responsibility should also be excluded from our minds. Men ought to share 'supposedly' their wives' responsibility like caring and nurturing for their children, cooking and other house chores. These shouldn't be seen as demeaning towards men as these are pivotal roles in a family institution. Women should not be forced to stay at home to take care of kids themselves but rather both men and women should be given chance to work.

Due to stereotyping and high expectation of the society towards men, men also do suffer in silence from depression but many are not willing to voice out their feelings due to social stigma which makes them feel inferior. This actually does impart a significant psychological influences towards men. For example most daycare centers prefer females than males as staff due to the thinking that sexual abuse may occur, but males themselves are also attributed for the low preference for daycare center jobs as they feel that it is emasculating and sissy. The same applies to male nurses where in general they are not accorded due attention. Ironically, female are making strides in the male-dominated fields in the past namely engineering, architecture and IT. So it is truly possible for a man to do a woman's job if a woman can perform a man's job. Jobs nowadays shouldn't be gender typed. Men in general should be more open-minded, in this instance, they should not have the conception that they need to keep feelings to themselves and suffer in silence. Feelings and emotion are things that make us human.

Men do become victim of sexual abuse and harassment too, just that men and society alike do not heard of it as much because these issues were hidden by the victims. I came across a US national website specifically addressing the problems of sexual abuse and provides education, research and therapy for male sexual abuse victims. This actually enlightens me that, at least, in the world there are people who really took men issues close to their heart. Bravo to them! Through this website, they taught me never to stereotype men when it comes to sexual

harassment. They demystify conceptions by stating that boys and men can be victims of sexual abuse too. And disgusting conceptions such as men would enjoy sexual abuse from females as they experience arousal were also debunked. According to this website, arousal could be triggered by any traumatic or painful sexual circumstances. I think people should take time to browse this website: <http://www.malesurvivor.org/> to open our mind of situations which are less reported. These incidences do happen, but it have not been accorded due attention. So in the end, its not a matter of gender, but it should be equality for all. Together lets strive for gender equality for all!

Email me your opinion! arenestar@yahoo.com

By kamal ahmad  on August 11, 2009 8:54 AM

Salam kasih dan salam hormat Ayahanda Tun,

Posting Tun kali ini adalah menjurus kepada kemusnahan. Kemusnahan yang luas dan kejam. Kemusnahan yang memaksa pengertian semula kepada erti dahsyat. Tanpa banyak berlegar dengan lingo bunga sastera, mari kita meneliti ini daripada segi dan aspek teknikal.

Jenis Bom yang digunakan di Hiroshima: "Little Boy" ledakan Nuclear Uranium 235, berat 8,900lbs (4000kg), Panjang 9.84 kaki, Lebar 28.0 inci. Kuasa ledakan 18 kiloton (1 kiloton berkeupayaan memusnahkan 80km persegi). Dalam ledakan nuclear, kekuatan kiloton tadi akan memaksa pergerakan molekul dan zarah sekeliling dengan kadar yang teramat laju hingga menghasilkan proses "thermal" dimana udara sekeliling akan bertindak sebagai agen pembakar kepada manusia dan semua sekelilingnya. Kekuatan membunuh 140,000 sehingga 180,000 manusia. Akibat pergeseran molekul dan zarah tadi juga akan terhasil kesan sampingan radiasi yang akan aktif selama 2 minit hingga ke 45 tahun dalam molekul sekeliling tempat letupan. Ini teknologi lama, sudah lebih 60 tahun. Hari ini bom nuclear dengan kekuatan 13 kiloton sebesar dan seberat 1 tin Coca-Cola mampu dihasilkan oleh Korea Utara dengan kos lingkungan USD5000 sahaja. Cukup untuk melenyapkan setengah benua Amerika dari peta tamadun moden dunia.

Kos pembikinan "Little Boy": kos keseluruhan "Manhattan Project" iaitu projek kajian bom nuclear Amerika pada tahun 1940-1945 adalah USD2 Billion. Kos untuk setiap bom yang dibina pula adalah USD25juta. Ini nilai matawang USD tahun 1945, hari ini melebihi nilai USD70 Billion. Kos politik yang terpaksa ditanggung oleh Amerika Syarikat selepas itu adalah lebih teruk lagi.

Kemusnahan: bom ini telah berjaya membunuh 140,000 rakyat Jepun di Hiroshima dan 80,000 di Nagasaki dalam masa 48 jam. Daripada jumlah ini setengah terbunuh pada hari yang sama bom diletupkan manakala 25% dalam masa 2/3 hari dan selebihnya 15%-25% pula akibat kesan sampingan dalam seminggu. Jumlah keseluruhan 340,000 rakyat Jepun terbunuh dalam kedua pengeboman tersebut. Sehingga ke hari ini radiasi bom ini ada didalam DNA keturunan mereka yang terkena bencana pengeboman ini pada tahun 1945 dahulu.

Apa yang Amerika perolehi daripada kemenangan ini: Sebelum daripada itu, sebab sebenar Jepun terlibat dalam Perang Dunia Kedua ialah kerana sikap monopoli Amerika keatas ekonomi Jepun. Jepun merupakan sebuah negara Asia yang dari asala lagi kuat bekerja dan bertekad dalam mutu kerja mereka. Dengan menggunakan "The League Of Nations" (pengasas kepada

PBB hari ini) pihak Yahudi Zionist di Washington seperti Rossenblat, Rothschild telah menekan perdagangan Jepun, menggunakan kuasa untuk memaksa negar-negara ahli supaya tidak berdagang dengan Jepun dan juga supaya tidak membenarkan mana-mana kapal dagangan Jepun mendarat dipelabuhan mereka. Jepun juga dilarang daripada membeli timah/besi di pasaran antarabangsa. Akitek nuclear Amerika adalah Oppenheimer, seorang Yahudi ultra dan beliau telah dibiayai oleh wang Yahudi dalam Project Manhattan. 3 tahun selepas pengeboman, laluan terbuka untuk penubuhan negara Israel. Sebenarnya Jepun telah pun bersetuju untuk menyerah kalah seminggu sebelum bom digugurkan. Tetapi jika Amerika menerima serah kalah ini bermakna tiada kemusnahan pada Jepun, yang bakal digunakan oleh Russia sebagai pintu dagangan Komunis mereka dan pasti juga Jepun akan menjadi sebuah negara komunis yang moden. Ini akan melemahkan ekonomi Amerika dalam jangka panjang. Semuanya dilakukan untuk kepentingan ekonomi Amerika Syarikat. Dan sememangnya, mereka yang menjadi juara pemenang akan menulis sejarah dunia. Semua ini ada di media internet, anda hanya perlu cari dan baca sejarah jika ingin jelas ke hadapan.

PENGAJARAN KEPADA MALAYSIA:

1)PERANG MEMBAWA KEPADA KEMUSNAHAN DAN KESEDIHAN

2)KEMUSNAHAN MEMBAWA KEPADA KEPAPAAAN

3)KEPAPAAAN MEMBAWA KEPADA KEMUSNAHAN UNTUK JANGKA PANJANG.

4)KOS POLITIK UNTUK MEMBUAT BOM SEBEGINI SUDAH TIDAK LAGI MAMPU DIBAYAR OLEH AMERIKA HARI INI.

5)JADI MEREKA MEMBINA DAN MENDIDIK PULA SMART BOMB.

6)OBJEKTIF TETAP SAMA, EKONOMI AMERIKA SYARIKAT.

7)GUNA SMART BOMB YANG MAMPU MENGHASILKAN KEPUTUSAN YANG LEBIH BAIK TANPA KEMUSNAHAN MAHAL DAN IMEJ POLITIK TERCELA: GUNA SISTEM DEMOKRASI DUNIA MELALUI SENJATA GLOBALISASI. GUNA ANWAR IBRAHIM & PKR UNTUK “NUKLEARKAN” MALAYSIA PADA PRU13. MINYAK DAN DAGANGAN ANTARABANGSA PETRONAS, ITU PENTING UNTUK MEREKA. MENGEMBANGKAN PENGARUH YAHUDI DI MALAYSIA PULA SELEPAS SINGAPURA DAN INDONESIA.

Peperangan membawa kemusnahan, membunuh yang tidak berdosa. Tidak ada ugama dalam dunia yang menyuruh sedemikian. Hanya golongan radikal dan militant sahaja yang akan berfikir dengan taksub sebegitu. Tuhan tidak menyuruh membunuh, tidak menyuruh manusia bergaduh cuma manusia yang taksub, fanatik dan sempit sahaja yang masih berfikiran begitu. Manusia yang terdesak akan melakukan apa saja untuk merealisasikan komplot mereka. Mereka akan menggadai apa sahaja termampu termasuk negara ini dan akan memusnahkan sesiapa sahaja yang menghalang mereka. Dan kekuatan mereka adalah melalui proses demokrasi yang telah mereka cemari dengan hasutan “hak asasi”.

Adakah hak asasi sesetengah individu itu melebihi kepentingan hak asasi individu yang lain? Ataupun adakah hak asasi sesetengah individu itu melebihi kepentingan hak asasi majoriti yang lain? Adakah dengan cara memutar belitkan fakta ISA mereka berhak menidakkan hak kumpulan lain yang jauh lebih besar daripada hanya segelintir ini? Adakah kumpulan radikal ekstremis ini

berhak mengatasi mana-mana individu lain dalam melangkau nilai dan tafsir pakai undang-undang Malaysia? Adakah mereka ini mempunyai imuniti kebal sebegini sekali? Hari ini, PKR dan Anwar Ibrahim adalah pengkhianat Malaysia dan Melayu. Mereka tidak akan mengakui ini semua, sebab mereka sendiri pun tidak percaya yang mereka telah terseret dan terjebak dengan janji pujuk Anwar itu sendiri. Saya kenal sesetengah MP PKR. Pangkat pakcik saudara saya sendiri, yang sama-sama kami dahulu berjuang untuk Melayu. Terkenang ini semua saya tersenyum masa menulis ini Tun. Sedih pun ada, kelakar pun ada. Melayunya sampai tiap-tiap hari kena ada kari, tak ada kari tak boleh duduk! Melayunya gagah berpidato politik, tapi bila terkunci luar rumah tengah malam buta lari minta tolong takut hantu juga.

Mereka adalah orang Melayu yang telah terlanjur akibat percaturan dan permainan politik manusia bernama Anwar Ibrahim.

Satu kempen kesedaran semula Melayu mesti dilakukan demi untuk mereka ini dan semua Melayu Berdaulat di Malaysia dan semua bangsa Malaysia hari ini agar kita akan semua kembali sedar dan berbangga dengan siapa diri kita sebenarnya.

Selama hampir 5 tahun Melayu Malaysia telah hilang pedoman dan tergadai maruah ditangan percaturan politik tamak, lemah dan merapu Abdullah Badawi dan konco-konco beliau. Tidak boleh dimaafkan kesalahan ini. Jika dulunya Melayu yang menentang kuasa penjajah, mereka ini dibuang negeri bersama Raja-Raja Melayu mereka jauh ke pulau-pulau terpencil tidak akan balik lagi dan tidak akan mati di bumi kelahiran mereka. Maka hari sejarah bangsa Melayu meuntut supaya pengkhianat dan penjual/pelelong bangsa Melayu ini mesti juga dibuang negeri! Ini bukan negeri dan negara anda lagi!

